



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 20 JUN 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8.	RONALD KETUAI DELEGASI MALAYSIA PADA FAO KE-42, SH -ONLINE BEKALAN TERNAKAN MENCUKUPI UNTUK AIDILADHA, MALAYSIA GAZETTE - ONLINE SURAT KISAH PADANG RAGUT BIDOR: KSU KEMENTERIAN PERTANIAN MEMBISU7, MALAYSIA KINI -ONLINE MALAYSIA ZOO NEEDS RM600,000 MONTHLY TO COVER OPERATING EXPENSES, HOME, BORNEO POST (KK) -3 20 TAN SAYUR, BUAH UNTUK ZOO MELAKA, UM -ONLINE TERJEJAS COVID-19: ZOO MELAKA PERLU RM600,000 SEBULAN TAMPUNG KOS OPERASI, ASTRO AWANI -ONLINE 500 HAIWAN DI ZOO MELAKA KEKURANGAN BEKALAN MAKANAN, NEGARA, KOSMO -14 NASIB HAIWAN DI ZOO MELAKA TERBELA, LOKAL, METRO AHAD -22	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
9.	JOHOR IZIN KORBAN DI RUMAH SEMBELIHAN BERDAFTAR, COVID-19, HM -10	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
10.	BELI PANDU LALU, LOKAL, HM -16	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
11. 12. 13. 14. 15.	VILLAGERS TURN TO PADI PLANTING DURING PANDEMIC, NEWS IN BRIEF, NST -15 7,000 EKOR AYAM DALAM REBAN RENTUNG, NEGARA, KOSMO -12 'KAMI AKAN TERJEJAS TERUK', LOKAL, METRO AHAD -19 BAJA NUKLEAR PENYUBUR TANAMAN, PERSPEKTIF, BH AHAD -35 TANAMAN SUKAR DISERANG PENYAKIT, PERSPEKTIF, BH AHAD -36	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/6/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Ronald ketua delegasi Malaysia pada FAO ke-42



Ronald ketika mengetuai delegasi ke persidangan FAO ke-42 yang diadakan secara maya di Rome, Itali pada 14 hingga 18 Jun lalu.

SHAH ALAM - Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiangdee mengetuai delegasi Malaysia pada Persidangan Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) ke-42 yang diadakan di Rome, Itali pada 14 hingga 18 Jun lalu.

Ronald berkata, beliau telah menyampaikan kenyataan bertema 'Agriculture Food Systems Transformation: From Strategy To Action' yang menekankan kepada agenda jaminan keselamatan bekalan makanan negara.

Menurutnya, seiring dengan perkembangan teknologi baharu dalam era digitalisasi dan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0), beliau turut menyentuh mengenai peranan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang diberi penekanan dalam Rancangan Malaysia ke-12 (2021-2025).

"Ia berkaitan usaha untuk meningkatkan produktiviti, sistem sokongan dan perkhidmatan serta memperkasa rantaian nilai makanan yang secara langsung menyumbang kepada kelestarian sistem makanan.

"Modenisasi sektor agromakanan akan turut dipacu melalui adaptasi mekanisasi dan teknologi dalam usaha untuk meningkatkan sumbangan sektor pertanian kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Delegasi Malaysia turut dianggotai Duta Besar Malaysia ke Itali yang juga merupakan Wakil Tetap Malaysia ke FAO, Datuk Abdul Malik Melvin Castelino.

Persidangan yang diadakan secara maya itu dimulakan dengan ucapan daripada Ketua Pengarah FAO, Dr Qu Dongyu, Presiden Itali, Sergio Mattarella dan Pemimpin Gereja Roman Katolik, Pope Francis.

Persidangan berkenaan yang melibatkan Sesi Plenari, Commission I dan Commission II disertai oleh 183 delegasi dari negara ahli melibatkan lebih dari 1,300 delegasi termasuk 119 Menteri dan Timbalan Menteri negara-negara anggota.

Persidangan FAO kali ke-42 itu turut membincangkan FAO Strategic Framework 2022-2031 yang dibangunkan melalui sesi konsultasi bersama negara-negara ahli serta rakan kerjasama FAO.

Kerangka strategi berkenaan turut memberi fokus dalam memperkasa kerjasama dan mencapai impak bagi The Four Betters; Better Production, Better Nutrition, Better Environment dan Better Life yang berhubung kait antara dimensi sistem rantaian makanan iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Dalam pada itu, Ronald berkata, Malaysia menghargai usaha membangunkan kerangka strategik tersebut terutamanya melalui penekanan yang diberikan terhadap kelestarian, inklusiviti, sistem

makanan yang mapan serta kepelbagaian tema melibatkan jantina, belia dan kumpulan etnik orang asal dalam mencapai Agenda 2030.

Beliau berkata, di peringkat serantau, delegasi Malaysia mengetengahkan keutamaan memacu transformasi inovasi dan digital dalam penggubalan dasar dan halatuju sektor pertanian.

“Malaysia turut menyarankan FAO untuk mengaplikasi dan memanfaatkan sumber-sumber berkaitan dalam menyokong pelaksanaan projek dan program di bawah Regional Conference for Asia and the Pacific (APRC) yang mampu memberi dimensi dalam memperkasakan lebih banyak negara membangun.

“Ia boleh dilaksanakan melalui kerjasama dalam sektor pertanian dan makanan, terutamanya di dalam bidang teknologi dan inovasi, pertukaran kepakaran teknikal, pembangunan kapasiti serta perkongsian pengetahuan,” ujarinya.

Secara keseluruhannya, Ronald berkata, pencapaian utama bagi Persidangan FAO kali ke-42 itu menumpukan kepada cabaran yang dihadapi oleh komuniti dunia pada masa kini.

Menurutnya, ia merangkumi kesan penularan Covid-19, akses kepada diet sihat, kemiskinan dan jurang yang taraf hidup, malah turut melibatkan isu-isu lain seperti malnutrisi serta ketidaktentuan jaminan bekalan makanan.

Pada masa sama, Ronald berkata, Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) 2021-2030 kini sedang dimuktamadkan dengan fokus utama untuk memastikan sistem rantai makanan negara dapat mendepani cabaran sekuriti makanan.

Jelasnya, dasar tersebut turut mengambil kira input serta kerjasama pelbagai pihak termasuk Kementerian, agensi, ahli akademik, sektor swasta serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/6/2021	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Bekalan ternakan mencukupi untuk Aidiladha



Penduduk melapah lembu yang selesai disembelih sempena Hari Raya Aidiladha tinjauan lensa Malaysia Gazette di Masjid Jamek Tengku Abdul Aziz Shah, Sungai Penchala, Kuala Lumpur. foto AFFAN FAUZI, 31 JULAI 2020

KUALA LUMPUR – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menjangkakan bekalan ternakan mencukupi untuk menampung permintaan sembelihan korban pada Aidiladha ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, mengikut statistik Jabatan Perkhidmatan Veterinar stok bekalan lembu/kerbau tempatan bagi penyembelihan hari raya korban sehingga Mei 2021 adalah 33,650 ekor manakala bekalan lembu/kerbau yang diimport sehingga 31 Mei 2021 adalah 10,192 ekor.

Jumlah keseluruhan bekalan untuk lembu/kerbau bagi tujuan korban adalah 43,842 ekor.

Manakala bagi kambing/bebiri, bekalan tempatan untuk penyembelihan hari raya korban sehingga Mei 2021 adalah 24,316 ekor manakala bekalan kambing/bebiri yang diimport dan bersedia untuk penyembelihan korban adalah sebanyak 8,857 ekor dan jumlah keseluruhan bekalan untuk kambing/bebiri bagi tujuan korban adalah 33,173 ekor.

Menurutnya, setelah mengambil kira keperluan masjid, surau dan rumah sembelih, dianggarkan permintaan lembu/kerbau untuk korban adalah sebanyak 39,172 ekor dan kambing/bebiri sebanyak 21,949 ekor untuk tahun 2021.

“Berdasarkan anggaran bekalan ternakan daripada perangkaan Jabatan iaitu 43,842 ekor lembu/kerbau dan 33,173 ekor kambing/bebiri, adalah dijangka mencukupi untuk menampung permintaan sembelihan korban pada tahun ini sebanyak 39,172 ekor lembu/kerbau dan 21,949 ekor kambing/bebiri,” katanya dalam kenyataan di sini.

Tambah beliau, sebanyak 27 buah rumah sembelih Jabatan Perkhidmatan Veterinar di seluruh Semenanjung Malaysia sedia untuk beroperasi dan 10 daripada rumah sembelih berkenaan telah memenuhi syarat Export Supply Chain Assurance System (ESCAS) bagi tujuan penyembelihan ternakan daripada Australia.

Di samping itu, DVS telah mengeluarkan lesen kepada 35 buah rumah sembelih swasta di seluruh Semenanjung Malaysia yang boleh memberi perkhidmatan penyembelihan bagi tujuan korban. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/6/2021	MALAYSIA KINI	ONLINE	

SURAT | Kisah padang ragut Bidor: KSU Kementerian Pertanian membisu?



Pelan Strategik Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dalam konsep 'Merakyatkan Perkhidmatan Awam' dijadikan panduan merangka program-program yang dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun ke hadapan (2016-2020) agar penyampaian perkhidmatan kerajaan menepati keperluan, kehendak dan aspirasi rakyat.

Dua daripada 6 teras utama: pertama, keterbukaan iaitu mengamalkan minda terbuka dan sentiasa mudah untuk

didekati oleh pelanggan yang memerlukan khidmat.

Kedua, turun padang: sentiasa pasang telinga dan buka mata seluas-luasnya untuk mendengar dan melihat sendiri keperluan dan ekspektasi pelanggan.

Walau bagaimanapun, slogan-slogan sebelumnya seperti '1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' hanyalah indah khabar dari rupa: menarik dicanang sana sini tetapi keadaan di lapangan amat berbeza dengan apa yang dijanjikan kepada rakyat.

Contohnya, pada 20 Oktober 2020 saya membuat aduan rasmi dalam sistem Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) mengenai surat kepada menteri bertarikh 12 Mac 2020 tentang 'Kisah Padang Ragut Bidor' tidak mendapat jawapan.

Walau bagaimanapun, tiada sebarang maklum balas atau panggilan telefon ekoran surat yang dihantar sendiri ke pejabat menteri dengan sokongan lebih 30 dokumen.

Perkara yang dibangkitkan sebenarnya mudah sahaja iaitu merayu Mafi mematuhi keputusan mesyuarat pembentangan kesulitan-kesulitan yang dihadapi seorang penternak, Haji Manaver M Ali di Padang Ragut Bidor (PRB), Perak di bawah seliaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Perak pada 10 Jun 2008.

Pembentangan itu dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pertanian ketika itu. Hadir sama Ketua Pengarah Biro Pengaduan Awam (BPA), Ketua Pengarah JPV, pegawai dari pejabat Ketua Setiausaha Negara (KSN), Penasihat Undang-undang, pegawai-pegawai Mafi dan dari JPV Perak.

Manaver menyampaikan 32 slaid power point kisah duka laranya menjadi penternak sejak 1995 di PRB dengan fakta, data dan gambar dari mula beliau menjalankan penternakan, termasuk buku daftar lawatan pegawai yang hadir di PRB.

Setelah selesai pembentangan, KSU meminta Manaver menulis surat kepada Kementerian Pertanian memohon bantuan yang diperlukan.

Manaver telah menyampaikan surat bertarikh 7 Julai 2008 kepada KSU seperti yang diputuskan.

Malangnya pada 4 Februari 2009 dia menerima jawapan daripada Pegawai Khas Direktorat JPV yang menyatakan: "Jabatan beranggapan segala perkara yang dibangkitkan telahpun selesai dan diperjelaskan sewajarnya kepada tuan".

Pegawai itu mengemukakan 10 muka surat penafian dan mengulang-ulang kelemahannya seperti yang dilakukannya pada 2007.

Surat jawapan sepatutnya diterimanya daripada pejabat KSU kerana beliau yang menguruskan mesyuarat, tetapi pegawai lain pula yang membuat keputusan baru membelakangkan keputusan ketua perkhidmatannya.

Pada 19 Mac 2021 saya mengirim e-mel kepada KSU baru Mafi supaya aduan 20 Oktober 2020 diberikan perhatian. Namun, tiada sebarang jawapan diterima daripadanya.

Pada 22 April 2021 saya menulis surat rasmi beserta 35 helai dokumen berkaitan isu PRB kepada KSU Mafi.

Saya turut menemui dan berbincang dengan dua pegawai Mafi selama 30 minit memastikan jawapan diterima mengenai isu yang dibangkitkan.

Walau bagaimanapun, setelah dua bulan berlalu, tiada respons diterima daripada Mafi.

Jelaslah kandungan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2009:

Penambahbaikan Proses Pengurusan Aduan Awam hanyalah sesuai untuk hafalan pegawai bagi tujuan kenaikan pangkat, bukan sebagai panduan membantu mengatasi permasalahan rakyat.

Jika institusi KSU Mafi membisu, apakah yang boleh diharapkan daripada pegawai-pegawai lain?

Headline	Melaka Zoo needs RM600,000 monthly to cover operating expenses		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	20 Jun 2021	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	3	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	97 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 270
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 811



Melaka Zoo needs RM600,000 monthly to cover operating expenses

MELAKA: The Melaka Zoo needs about RM600,000 a month to cover animal care and operational expenses following its temporary closure during the Movement Control Order (PKP) due to risk of Covid-19 transmission.

Hang Tuah Jaya Municipal Council (MPHTJ) president Datuk Shadan Othman said of the total, RM250,000 is needed to buy food for 550 animals representing 250 species being

housed at the zoo.

"The Zoo needs at least 250 kilogrammes of chicken meat and beef a month as well as fruits and vegetables to feed the animals.

"Revenue was down after the Zoo was closed for almost six months ... but MPHTJ still has to cover the operating costs or rely on funds from non-governmental organisations, private companies, government and

individuals, especially to buy animal feed for the wildlife to survive."

He said this after a Ministry of Agriculture and Food Industry (MAFI) Consume More Local Fruits and Vegetables campaign which was also attended by Deputy Minister Datuk Seri Ahmad Hamzah and Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) board member Datuk Ghazale

Muhamad.

Elaborating, Shadan said the animals' food intake cannot be rationed as they must be fed with the necessary nutrients as recommended by veterinary officers who monitor the health of the animals.

He said the council had been collecting funds for the zoo since the MCO was implemented last year and to date RM200,000 have been raised. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/6/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

20 tan sayur, buah untuk Zoo Melaka



AHMAD Hamzah ketika sidang akhbar selepas melakukan lawatan ke Zoo Melaka, Ayer Keroh, Melaka. - UTUSAN/DIYANATUL ATIQA ZAKARYA

MELAKA: Lebih 500 ekor haiwan di Zoo Melaka di sini termasuk Harimau Malaya yang menjadi khazanah negara diancam kekurangan bekalan makanan selepas lokasi pelancongan itu ditutup sejak tahun lalu kerana pandemik Covid-19.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, setakat ini pihaknya telah menyalurkan bantuan awal bekalan makanan melibatkan sebanyak 20 tan sayur-sayuran serta buah-buahan.

Katanya, bantuan itu telah diberikan secara berperingkat dibawah Program MAFI Prihatin menerusi kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

“Sejak bulan lalu MAFI Prihatin telah menyalurkan sebanyak 20 tan bekalan makanan secara berperingkat menerusi tiga kali penghantaran ke Zoo Melaka.

“Kita tahu tempat rekreasi ini tidak lagi mampu menjana pendapatan untuk menampung kos operasi kira-kira RM60,000 sebulan dan kerana itu kementerian menyalurkan mana-mana yang terdaya bagi membantu,” katanya pada sidang akhbar di Zoo Melaka, Ayer keroh di sini, hari ini.

Katanya, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) juga akan membantu membekalkan keperluan daging dan ayam mengikut diet yang sesuai untuk haiwan-haiwan berkenaan.

Tambahnya, turut serta menyalurkan bekalan makanan bersama-sama pada hari ini adalah badan bukan kerajaan (NGO) Bilal Muda.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Shadan Othman berkata, Zoo Melaka hanya sempat beroperasi selama enam bulan sahaja sejak tahun lalu sehingga kini.

“Sejak penutupan tahun lalu, Zoo Melaka menanggung perbelanjaan beban kos operasi RM60,000 sebulan dengan RM250,000 merupakan kos untuk bekalan makanan.

“Haiwan-haiwan di sini tidak boleh dicatu makanannya kerana mereka mempunyai diet pemakanan masing-masing yang dijaga oleh pakar veterinar,” katanya.

Ujarnya, susulan itu pihaknya juga telah melancarkan Tabung Sumbangan Zoo Melaka sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun lalu dah sehingga kini berjaya mengumpul kira-kira RM200,000. – UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/6/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

Terjejas COVID-19: Zoo Melaka perlu RM600,000 sebulan tampung kos operasi



Ahmad (depan) memberi tebu kepada gajah pada Program Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Prihatin: Kempen Lebihkan Makan Buah-Buahan dan Sayur-Sayuran Tempatan di Zoo Melaka pada Sabtu. --fotoBERNAMA

MELAKA: Zoo Melaka memerlukan kira-kira RM600,000 sebulan bagi menampung kos operasi keseluruhan pusat pemeliharaan dan pemuliharaan haiwan itu yang terpaksa ditutup sementara susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan penularan COVID-19.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) Datuk Shadan Othman berkata daripada jumlah itu sebanyak RM250,000 diperlukan untuk membeli makanan bagi 550 haiwan daripada 250 spesies yang ditempatkan di zoo berkenaan.

"Zoo Melaka memerlukan makanan berupa daging ayam atau lembu sekurang-kurangnya 250 kilogram sebulan, tidak termasuk buah-buahan dan sayur-sayuran.

"Memang terjejas kerana Zoo Melaka kini dah hampir enam bulan tidak dapat beroperasi... memang rugi namun MPHTJ terpaksa menampung kos berkenaan khususnya pembelian makanan haiwan selain mendapat sumbangan daripada badan bukan kerajaan, syarikat swasta, kerajaan dan individu bagi membantu kelangsungan pusat ini," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Beliau berkata demikian selepas Program Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin: Kempen Lebihkan Makan Buah-Buahan dan Sayur-Sayuran Tempatan yang turut dihadiri Timbalan Menteri MAFI Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Ahli Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia (FAMA) Datuk Ghazale Muhamad.

Mengulas lanjut, Shadan berkata diet makanan bagi haiwan berkenaan tidak boleh dicatu sewenang-wenangnya bagi memastikan haiwan tersebut mendapat nutrisi diperlukan mengikut saranan pegawai veterinar yang memantau tahap kesihatan haiwan di zoo tersebut.

Beliau berkata pihaknya juga telah mewujudkan tabung sumbangan untuk membantu kelangsungan operasi Zoo Melaka bermula PKP 1.0 tahun lepas dengan jumlah kutipan sebanyak RM200,000 sehingga semalam.

"Kita mengalu-alukan sumbangan daripada orang ramai untuk membantu meringankan beban memandangkan Zoo Melaka tidak dapat dibuka.

"Pusat ini bukan untuk mengaut keuntungan tetapi berperanan sebagai pusat pembelajaran, pemeliharaan dan pemuliharaan haiwan yang hampir pupus," katanya.

Sementara itu, Ahmad Hamzah berkata MAFI menerusi FAMA telah menyalurkan sebanyak 20 tan metrik pelbagai buah-buahan dan sayur-sayuran bernilai kira-kira RM45,000 kepada Zoo Melaka dalam tempoh pelaksanaan PKP 1.0 hingga PKP 3.0.

Beliau berkata sumbangan yang disalurkan menerusi Program MAFI Prihatin di bawah Kempen Lebihkan Makan Buah-Buahan dan Sayur-Sayuran Tempatan itu bertujuan memastikan bekalan makanan haiwan di Zoo Melaka tidak terjejas agar kebajikan haiwan terpelihara.

-- BERNAMA



AHMAD (tengah) semasa hadir menyerahkan sumbangan 20 tan sayur dan buah-buahan kepada haiwan di Zoo Melaka semalam.

500 haiwan di Zoo Melaka kekurangan bekalan makanan

MELAKA – Lebih 500 ekor haiwan di Zoo Melaka termasuk spesies Harimau Malaya yang menjadi khazanah negara kini kekurangan bekalan makanan selepas taman rekreasi itu terpaksa ditutup sejak tahun lalu susulan pandemik Covid-19.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, setakat ini pihaknya telah menyalurkan bantuan awal bekalan makanan melibatkan sebanyak 20 tan sayur-sayuran serta buah-buahan.

Katanya, bantuan itu telah diberikan secara berperingkat di bawah Program MAFI Prihatin menerusi kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

"Sejak bulan lalu, MAFI Prihatin telah menyalurkan sebanyak 20 tan bekalan makanan untuk keperluan kira-kira 550 ekor haiwan yang diberikan secara berperingkat.

"Kita tahu tempat rekreasi ini tidak lagi mampu menjana pendapatan untuk menampung kos operasi kira-kira RM60,000 sebulan dan kerana

itu, pihak MAFI menyalurkan mana-mana yang terdaya bagi membantu," katanya pada sidang akhbar di Zoo Melaka di sini semalam.

Katanya, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Majqs) juga akan turut membantu membekalkan keperluan daging dan ayam mengikut diet yang sesuai termasuk bagi keperluan Harimau Malaya.

Tambahnya, turut serta menyalurkan bekalan makanan bersama-sama MAFI pada hari semalam adalah badan bukan kerajaan (NGO) Bilal Muda.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Shadan Othman berkata, Zoo Melaka hanya sempat beroperasi selama enam bulan sejak tahun lalu sehingga kini selepas negara dilanda pandemik Covid-19.

"Sejak penutupan tahun lalu, Zoo Melaka menanggung perbelanjaan kos operasi sebanyak RM60,000 sebulan, manakala RM250,000 merupakan kos untuk bekalan makanan haiwan di zoo berkenaan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/6/2021	HARIAN METRO	LOKAL	22

Nasib haiwan di Zoo Melaka terbela

Melaka: Nasib haiwan di Zoo Melaka terbela apabila Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) menyumbang lebih lima tan buah-buahan dan sayur-sayuran kepada 'penghuni' zoo itu semalam.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, program Mafi Prihatin itu susulan maklumat zoo berkenaan berdepan masalah kewangan ketika pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Menurutnya, pihak Zoo Melaka perlu menampung perbelanjaan terutama makanan haiwan di zoo berkenaan yang mencecah RM250,000 sebulan.

Katanya, terdapat ki-



AHMAD (tengah) memeriksa buah-buahan yang disumbangkan kepada Zoo Melaka di Ayer Keroh, semalam.

ra-kira 550 haiwan mem-babitkan 220 spesies di zoo itu yang memerlukan per-hatian.

Sehubungan itu, melalui Kempen Lebihkan Makan Buah-Buahan dan Sa-yur-Sayuran Tempatan, pi-

haknya menyumbang buah-buahan dan sa-yur-sayuran kepada pihak pengurusan Zoo Melaka.

"Salah satu agensi di ba-wah Fama juga dijadi-kan akan membekalkan daging dan ayam dalam memas-

tikan kelangsungan Zoo Melaka dapat diteruskan.

"Dalam masa sama pihak kami juga menyeru ma-na-mana pihak untuk sa-ma-sama menyumbang kepada pihak zoo berke-naan seperti dilakukan badan bukan kerajaan (NGO) iaitu Bilal Muda dari Negeri Sembilan yang turut me-nyumbang makanan hai-wan di zoo berkenaan," ka-tanya.

Menurutnya, Mafi priha-tin turut membantu pesa-kit, mangsa banjir dan ben-cana alam sebelum ini.

"Namun kali ini, kami tu-rut membantu Zoo Melaka serta Zoo Negara. Pelbagai buah dan sayur memba-bitkan jagung, batang ja-gung, nanas MD2, buah lai, tebu dan labu manis di-serahkan kepada pihak pe-ngurusan Zoo Melaka Ayer Keroh," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/6/2021	HARIAN METRO	COVID-19	10

Johor izin korban di rumah sembelihan berdaftar

Johor Bahru: Majlis Agama Islam Negeri Johor (Mainj) memaklumkan pelaksanaan ibadah korban hanya boleh dilaksanakan di rumah sembelihan berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Johor dan Pejabat Perkhidmatan Veterinar daerah.

Perkara itu dimaklumkan menerusi satu kenyataan bersama Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Johor Tosrin Jarvanthi, Mufti Johor Datuk Yahya Ahmad dan Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor (Jainj) Datuk Md Rofiki Samsudin.

Menurut kenyataan itu, ia meliputi urusan menyembelih, melapah, memotong,

menimbang dan membungkus.

Katanya, Mainj diperkenankan Sultan Johor Sultan Ibrahim Sultan Iskandar yang memutuskan pelaksanaan ibadah korban di masjid dan surau seluruh Johor meliputi aktiviti terbabit adalah tidak dibenarkan.

“Jawatankuasa pengurusan kariah masjid dan surau yang menganjurkan ibadah korban atau pihak penganjur hendaklah berurusan dengan rumah sembelihan dan bertanggungjawab mengagihkan daging korban kepada penerima tanpa menggunakan kawasan masjid dan surau sebagai tempat agihan.

“Pihak penganjur ibadah

korban hendaklah memastikan haiwan yang hendak dikorbankan mematuhi syarak dan mempunyai Sijil Kesihatan Veterinar serta arahan lain yang dikeluarkan oleh JPV Johor,” kata kenyataan itu.

Bagi pelaksanaan ibadah korban tahun ini, terdapat 115 rumah sembelih sementara di negeri ini, 12 pemegang lesen swasta rumah penyembelihan (ruminan), lima rumah sembelih swasta sementara dan 10 Pejabat Perkhidmatan Veterinar di setiap daerah.

Waktu operasi rumah sembelihan berdaftar adalah tertakluk kepada JPV Johor dan Pejabat Perkhidmatan Veterinar daerah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/6/2021	HARIAN METRO	LOKAL	16



PENIAGA melakukan urusan jual beli dengan orang ramai secara pandu lalu menerusi program Pasar Segar Terkawal (PST) kelolaan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Negeri Sembilan di Pasar Tani Kekal Paroi, semalam. PST di seluruh negara akan terus beroperasi sepanjang pelaksanaan sekatan pergerakan penuh (SPP) dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 seperti yang dimaklumkan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II (Mafi) Datuk Che Abdullah Mat Nawi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/6/2021	NST	NEWS IN BRIEF	15

Villagers turn to padi planting during pandemic

TUARAN: The Covid-19 pandemic has prompted villagers in Kampung Tinuhan and Kampung Lapan Ulu here to venture into padi planting. Initiated and facilitated by Forever Sabah, with a grant from Yayasan Hasanah from the Finance Ministry, Projek Padi involves 43 farmers from the villages. Apart from feeding villagers, the project has launched an artisanal rice brand — Wagas Dati — which means “our rice” in the Dusun-Tindal language. The name represents the community’s heritage and identity. The project produced 28 tonnes of 34 varieties of rice from 15.38ha of padi land in its first harvest. There was more than enough rice to meet their food needs and for sale, with a surplus of over two tonnes. The project is also in collaboration with Universiti Malaysia Sabah and Queen Elizabeth Hospital, which seek to identify the rice’s glycaemic index for diabetic patients.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/6/2021	KOSMO	NEGARA	12



KEBAKARAN awal pagi yang menyebabkan hampir 7,000 ekor ayam rentung di ladang ternakan LKPP Gold Kist, Kuantan semalam.

16 anggota digerakkan padam kebakaran awal pagi

7,000 ekor ayam dalam reban rentung

Oleh **KHAIRULMIZAN YAHYA**

KUANTAN – Kira-kira 7,000 ekor ayam rentung dalam kejadian kebakaran di ladang ternakan ayam Lembaga Kemajuan Pertanian Pahang (LKPP) Gold Kist, Jalan Kuantan-Segamat dekat sini awal pagi semalam.

Bagaimanapun, dianggarkan 3,000 ekor ayam berjaya diselamatkan pihak bomba dalam kejadian kebakaran pada pukul

6.34 pagi.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Anuar Hassan berkata, kebakaran itu memusnahkan 90 perattis struktur keseluruhan di ladang ternakan ayam di kawasan seluas 0.15 hektar itu.

Menurutnya, seramai 16 anggota dan pegawai bersama dua jentera bomba dari Balai Bomba Chini bergegas ke tempat keja-

dian sebaik sahaja menerima panggilan.

"Hasil maklumat daripada pemilik ladang ternakan, dianggarkan 7,000 ekor ayam mati akibat kebakaran, manakala kira-kira 3,000 ekor ayam berjaya diselamatkan pasukan bomba," katanya di sini semalam.

Anuar berkata, pihak bomba masih melakukan siasatan mengenai punca kejadian dan juga jumlah kerugian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/6/2021	METRO AHAD	LOKAL	19

PELAKSANAAN Projek Tambakan Laut Selatan Pulau Pinang (PSR) di Gertak Sanggul, Teluk Kumbar bukannya memberi kesan kepada nelayan, tetapi memusnahkan perairan negara.



'KAMI AKAN TERJEJAS TERUK'

Oleh Zubatny Zulkifli
am@hmetro.com.my

Bayan Lepas

Rutin harian nelayan yang turun ke laut seawal jam 3 atau 6 pagi menjadi pemandangan biasa di kawasan di Gertak Sanggul, Teluk Kumbar di sini.

Sekitar waktu petang pula, dapat dilihat nelayan membawa pulang hasil tangkapan untuk dijual di pasar ikan Unit Nelayan Teluk Kumbar.

Ia sekali gus membantu menjana pendapatan penduduk setempat bagi pelbagai tujuan seperti dijual sebagai hidangan di restoran dan perusahan produk hasil laut.

Ketua Unit Nelayan Teluk Kumbar, Roslizan Ramli, 40, berkata, dia sudah menjadi nelayan sejak 20 tahun lalu selepas kerap mengikut datuk dan bapanya yang juga nelayan pantai keluar menangkap ikan.

Bapa kepada empat anak itu berkata, kebanyakan penduduk di situ adalah nelayan bergenerasi yang menjadikan sumber laut sebagai pendapatan.

Biasanya dia akan turun ke laut setiap hari jam 6 pagi

Projek Tambakan Laut Selatan Pulau Pinang bakal 'bunuh' penduduk bergantung hasil laut



Sekiranya projek Pinang (PSR) diteruskan, bukan sahaja nelayan akan lenyap, malah tidak tahu berapa lama laut akan 'pulih' semula

Roslizan Ramli

sehingga jam 4 petang namun ia bergantung kepada keadaan cuaca.

"Sekarang musim angin barat yang biasanya menyebabkan laut bergelora dan

angin kencang hingga nelayan tidak dapat keluar menangkap ikan.

"Namun berikutan kawasan ini membentuk teluk, keadaan ombaknya tidak bergelora seperti di perairan lain, hanya diancam angin kencang sahaja," katanya ditemui.

Mengulas lanjut, Roslizan berkata, ada kira-kira 250 nelayan berdaftar di kawasan itu manakala 100 lagi tidak berdaftar selain 115 pemilik sampan.

Roslizan berkata, biasanya dia bergerak sejauh 200 meter daripada pantai dan di situ terdapat 'lubuk' ikan seperti kembung, bawal putih, senangin selain ketam dan udang.

"Ketika cuaca baik, boleh dilihat ikan lumba-lumba berenang berhampiran sampan nelayan dan ia umpama peneman kami di laut.

"Iu antara keistimewaan perairan Teluk Kumbar dan sekiranya projek Tambakan Laut Selatan Pulau Pinang (PSR) diteruskan, bukan sahaja nelayan akan lenyap, malah tidak tahu berapa lama laut akan 'pulih' semula,"

katanya. Menurut nelayan yang berpengalaman lebih 40 tahun, Yahaya Che Lah, 70, projek PSR bukan sahaja memberi kesan kepada penduduk malah dibaratkan sebagai 'malapetaka' kerana perairan di wilayah utara akan terjejas teruk.

Katanya, perkara itu pernah dialami mereka sewaktu tambakan laut bagi projek Sri Tanjung Pinang (STP) yang dijalankan beberapa tahun lalu menyebabkan sumber laut 'lenyap' berbulan-bulan.

"Ikan juga seperti manusia, apabila air keruh ia akan 'lari' ke perairan yang jernih dan kami juga rasa tempasnya apabila lebih enam bulan kekurangan hasil tangkapan.

"Ini bukan cerita yang direka, tetapi sudah berlaku dan kami tidak mahu ia terjadi lagi kerana keadaan itu akan ambil masa yang lama untuk laut pulih semula," katanya.

Walaupun melewati usia emas, Yahaya berkata, dia masih turun ke laut walaupun kudratnya sudah tidak seperti dulu.



NIK Muhammad Bukhari (kanan) membantu bapa sebagai nelayan sementara menunggu dapat pekerjaan selepas tamat pengajian di UnisZA.

Katanya, menjalankan projek pulau buatan ibarat 'membunuh' penduduk dan nelayan yang bergantung hidup kepada hasil laut.

"Bagi nelayan berusia seperti saya, boleh sahaja berhenti menangkap ikan, tetapi bagaimana pula anak dan cucu kami yang mencari makan di sini?"

"Orang luar datang nak tengok keindahan kampung kita, tapi hendak dimusnahkan pula, kenapa tidak dijadikan sebagai perkampungan nelayan warisan," katanya.

Sementara itu, graduan Diploma Reka Bentuk, Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) Kuala Terengganu, NIK Muhammad Bukhari Bakri, 21, berkata, selepas tamat pengajian tabung lalu, dia pulang ke Pulau Pinang bagi mencari pekerjaan.

Namun dia mengakui agak sukar mencari kerja ketika negara berdepan dengan waktu getir akibat pandemik Covid-19.

Sementara menunggu mendapat pekerjaan, dia membantu bapanya turun ke laut selain mencari pendapatan sendiri.

"Syukur kita ada laut untuk diusahakan, jika tidak sudah tentu lebih ramai anak muda di sini terpaksa menganggur atau meninggalkan kampung halaman bagi mencari pekerjaan pada waktu ini.

"Difahamkan, projek PSR ini bakal mewujudkan kira-kira 300,000 peluang pekerjaan, namun adakah peluang itu akan memihak kepada warga tempatan atau sebaliknya?"

"Pampasan RM20,000 memang tidak masuk akal berbanding kerosakan alam dan kami tetap memilih mempertahankan perairan ini," katanya.

Menurut penduduk, kampung terbabit adalah perkampungan nelayan tertua di Pulau Pinang dan dianggarkan lebih 20 tan hasil laut didaratkan bagi tempoh setahun di kawasan itu.

Baja nuklear penyubur tanaman



Agensi Nuklear Malaysia bantu petani tingkatkan hasil tanaman dengan baja mesra alam

Oleh Siti Haliza Yusop
bhnews@bh.com.my

Tenaga nuklear mempunyai pelbagai kegunaan yang berbeza mengikut keperluan. Lazimnya untuk menghasilkan haba, elektrik, memulihara makanan, mencari sumber baru atau sebagai rawatan perubatan.

Malah, ada juga selalu digunakan dalam industri senjata nuklear.

Antara yang menarik perhatian adalah penggunaan tenaga nuklear dalam penghasilan baja bio memberi manfaat kepada petani melorjakkkan hasil tanaman.

Penggunaan baja bio jenama Bioliqfert dicipta oleh Agensi Nuklear Malaysia untuk meningkatkan hasil dan menjadikan tanaman subur, tahan serangan penyakit dan mesra alam sekitar.

Baja bio sesuai digunakan untuk pelbagai jenis tanaman termasuk kelapa sa-

wit, padi, jagung, sayur-sayuran seperti tomato, bendi, timun, sawi, kobis china, terung, bayam dan buah-buahan.

Pegawai Penyelidik Agensi Nuklear Malaysia, Dr Phua Choo Kwai Hoe, berkata baja dalam bentuk cecair itu mampu meningkatkan hasil tanaman petani sehingga 15 peratus berbanding baja kimia dan organik.

Katanya, penggunaan baja bio dapat mengurangkan kos pembajaan dan mengelak pencemaran kepada tanah serta sumber air berbanding menggunakan baja kimia.

Pencemaran akibat penggunaan baja kimia berlebihan dan terlalu lama akan menyebabkan mikrob di dalam tanah mati dan tanah 'sakit' bertukar menjadi keras.

"Ini menyebabkan tidak sesuai dan menjadi punca hasil kurang. Pencemaran tanah dalam jangka masa panjang memberi kesan kepada hasil tanaman, manusia dan persekitaran," katanya.

Membekalkan nutrien
Katanya, dengan inovasi baja bio itu memungkinkan proses pembajaan menggunakan dron terutama membabitkan tanaman yang luas.

Penggunaan teknologi nuklear sinaran gamma pada baja bio digunakan untuk pensterilan pembawa bagi mengelak bertakunya kontaminasi hingga mikrob jahat membunuh atau menjangkiti mikrob baik yang dicampurkan.

Petani sedang menabur baja bio di Felcra Seberang Perak.

Baja bio mempunyai mikrob berfaedah dan bersifat pelbagai fungsi bagi meningkatkan pertumbuhan tanaman melalui penukaran unsur pemakanan penting, iaitu nitrogen (N), fosfat (P) dan kalium (K) atau NPK kepada bentuk tersedia untuk diambil tanaman.

Unsur N, P dan K mengandungi hormon perangsang bagi menggalakan pertumbuhan daun, akar selain membolehkannya berbunga dan berbuah lebih lebat.

"Selain faktor tanah, lokasi dan cuaca baik, baja itu juga bagus dan berupaya membekalkan nutrien penting kepada tanaman kerana ia menjadi antara aspek penting untuk memastikan petani dapat menuai hasil lumayan," katanya.

Perumahan Ag
Phua yang juga pakar dalam Teknologi Nuklear Biobaja dan Mikrobiologi, berkata ada petani keliru apabila tanaman tidak subur selepas diberi baja kimia dengan banyak.

"Ketidadaan mikrob pada baja kimia menyebabkan tanaman tidak dapat menyerap nutrien sepenuhnya.

"Bagi baja organik, kandungan mikrob di dalamnya tidak diketahui, malah populasinya juga rendah berbanding baja bio," katanya.



Inovasi baja bio

Dari muka 35

Baja bio kali pertama dihasilkan Agensi Nuklear Malaysia dalam bentuk cecair sejak penyelidikan dan pembangunan (R&D), pada 2002, turut digunakan bagi meningkatkan prestasi tanaman.

"Selain hasil tanaman lebih baik, ujian kepada tanaman jagung mendapat penggunaan baja bio memberikan rasa lebih manis berbanding menggunakan baja kimia. Setiap 100 milliliter (ml) baja bio boleh dilarutkan dalam air 1000 ml bergantung kepada jenis tanaman," katanya.

Baja itu lebih mesra alam, kurangkan pencemaran alam sekitar, tetapi ia belum digunakan sepenuhnya bagi menggantikan baja kimia atau baja organik.

Masih baharu kepada petani. Penerimaan petani masih baharu dan pihaknya mengesyorkan penggunaan baja itu secara berperingkat.

"Melalui pemerhatian, baja bio dapat mengurangkan penggunaan baja kimia atau baja organik, antara 25 hingga 50 peratus bergantung kepada jenis tanaman dan amalan petani," sambil optimis ia dapat



digunakan secara meluas pada masa depan.

Kesan mikrob melalui baja bio memberikan pokok sistem pertahanan lebih baik dan sukar diserang penyakit.

Penggunaannya juga dapat mempercepatkan waktu tuaian sehingga 10 hari bergantung kepada lokasi dan cuaca berbanding apabila menggunakan baja kimia seperti kajian dilakukan di Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Kedah.

Hasil dari Projek Biobaja melalui kerjasama serantau Forum for Nuclear Cooperation in Asia (FNCA) dan geran penyelidikan ScienceFund Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada 2017 dan 2019, Agensi Nuklear Malaysia berjaya mengkomersialkan tiga produk baja bionya.

"Setakat ini, sebanyak 400,000 liter produk baja bio jenama Bioliquifert dilancarkan pada 2017, sudah dibekalkan kepada pesawah di Kedah, Perlis dan Perak melalui Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) yang diselenggarakan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Dua lagi produk baja bio melalui projek ini ialah GoGrow Bio-NPK Biobaja (2019) dan Biobaja M99 menerima Gold award pada Hari Inovasi 2019," katanya.

Kerjasama antara Agensi Nuklear Malaysia dengan MOSTI serta FNCA, melalui penyelidikan sejak beberapa tahun lalu memberi manfaat kepada pengguna.

Kajian penggunaan baja bio di lot sawah seluas lapan hektar di Kampung Parit Tok Ngah, Tanjung Piandang, Perak mendapati hasil pesawah bagi musim kedua tahun lalu, meningkat kepada lima tan berbanding 3.92 tan, pada musim pertama tahun sama.

▲ Aktiviti penyemburan biobaja yang pertama pada tanaman padi di FELTA Seberang Perak dengan keluasan 15.70 hektar.

info

Mengenai Bioliquifert

- Biobaja cecair mengandungi mikroorganisma pelbagai fungsi pengikat nitrogen
- Jadi pelarut fosfat dan pelarut kalium

- Menggalakkan pertumbuhan dan tingkatkan hasil tanaman
- Hasil tanaman meningkat hampir 15 peratus



Tanaman sukar diserang penyakit



Bukan sahaja hasil tanaman meningkat, bebas daripada serangan penyakit, malah kos penyelenggaraan lebih murah selepas menggunakan baja bio menerusi teknologi nuklear sinaran gamma.

Bagi petani dari Baling, Kedah, Abu Bakri Mat Saad yang mengusahakan kebun kelapa sawit, getah dan tanaman pisang berpuas hati dengan hasil tuai. "Penggunaan baja bio Bioliquifert memberi hasil tanaman yang lebih baik dan mengurangkan kos pembajaan," katanya mula digunakan sejak lebih setahun lalu.

Beliau mengusahakan tanaman sawit seluas 6.07 hektar, pokok getah (4.05 hektar) dan pokok pisang (1.21 hektar) sejak 2008.

Untuk kesan yang lebih baik, beliau juga mencampurkan baja bio hasil kajian Agensi Nuklear Malaysia dengan baja organik dihasilkan sendiri menggunakan tandan kosong kelapa sawit serta tahi lembu dan tahi ayam.

Abu Bakri sebelum ini pernah menggunakan baja organik sepenuhnya kerana harga lebih murah, tetapi hasilnya kurang memberangsangkan.

Kemudian beliau mencampurkan baja organik dengan baja bio yang dapat mengurai nitrogen (N), fosfat (P) dan kalium (K) atau NPK. Hasilnya tanaman semakin meningkat.

Penggunaan campuran baja bio dan baja organik jauh lebih murah berbanding menggunakan kimia sebelum ini.

"Kos baja bio dan baja organik kurang RM2 untuk sebatang pokok berbanding baja kimia antara RM4 hingga RM6.

"Perbezaan kos melebihi separuh daripada kebiasaan ini menyebabkan saya membuat keputusan beralih kepada campuran baja bio dan baja organik sepenuhnya.

"Lebih penting ia memberikan hasil tanaman yang lebih baik. Ketika mula menggunakan baja bio lebih setahun yang lalu, harga sawit sedang meningkat jadi rugi jika kos pembajaan dijamin tetapi hasil tanaman merosot," katanya.

Usahat kurangkan pelbagai masalah

Abu Bakri berkata, dengan penggunaan baja bio dan baja organik, kini beliau tidak perlu lagi menyemburkan racun kepada 3,000 pokok pisananya daripada diserang penyakit.

Katanya, pokok pisang lebih sukar dijaga kerana bersifat sensitif dan mudah diserang penyakit seperti moko, fusarium serta batang pokok bertukar kehitaman.

"Tanaman pisang saya usahakan turut berdepan masalah sama, bagaimanapun sejak menggunakan baja bio, masalah itu tidak berlaku lagi," katanya.

Menurut Abu Bakri, sebelum menggunakan Bioliquifert, beliau terlebih dahulu menggunakan baja cecair sebuah jenama lain bagaimanapun, harganya lebih mahal dan mempunyai banyak pantang larang perlu diikuti.

Abu Bakri

